

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' WIRA JOHARI BIN BAHAROM

KAWASAN : KUBANG PASU

TARIKH : 10.6.2014 (SELASA)

NO. SOALAN : 149

YB Dato' Wira Johari bin Baharom minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah butiran-butiran yang terdapat dalam TPPA dihayati dan difahami oleh pihak IKS di Malaysia. Jika tidak, berapakah bilangan IKS yang didapati tidak bersetuju dengan TPPA. Apakah kesan langsung kepada perdagangan luar negara kita sekiranya TPPA ditandatangani di dalam masa terdekat ini. Apakah TPPA yang ditandatangani oleh 12 negara ini akan bersaing dengan perjanjian yang hampir sama yang di wujudkan oleh RRC.

Jawapan

Tuan Yang DiPertua,

Perjanjian Perdagangan Bebas atau FTA bukan perkara baru bagi Malaysia. Malaysia telah terlibat dalam FTA sejak 1993 bermula dengan ASEAN Free Trade Area, diikuti dengan pelbagai FTA secara serantau seperti ASEAN-China, ASEAN-India, ASEAN Australia-New Zealand,

ASEAN-Jepun dan ASEAN-Korea Selatan dan juga beberapa FTA dua hala. Di bawah ASEAN Trade in Good Agreement, Malaysia telah menghapuskan duti import ke atas 99% produk, manakala di bawah ASEAN-China, Malaysia telah menghapuskan duti import ke atas 90% produk bermula 1 Januari 2010. Persaingan yang dihadapi oleh syarikat-syarikat IKS malah syarikat-syarikat besar yang lain adalah dengan negara-negara ASEAN dan China berbanding dengan persaingan yang mungkin akan disebabkan oleh negara-negara TPPA seperti Amerika Syarikat, Kanada, Peru dan Mexico. Hanya empat (4) negara ini yang Malaysia masih belum mempunyai FTA manakala negara-negara TPPA yang lain Malaysia telah pun mempunyai FTA samada secara dua hala ataupun bersama-sama dengan ASEAN secara serantau.

Kesemua FTA tersebut sebenarnya telah membuka pasaran tempatan dan IKS Malaysia telah terbukti mampu bersaing dengan baik sejak pasaran Malaysia dibuka untuk ASEAN dan FTA serantau yang lain sehingga kini.

Tambahan pula, hampir 70% daripada jumlah barisan tarif di bawah MFN Malaysia kini telah dihapuskan. Komitmen tarif di bawah TPP tidak dianggap akan memberi kesan yang besar dari segi pembanjiran barang import. Untuk barangan yang sensitif yang berkepentingan tinggi, sebagaimana dalam FTA-FTA sebelum ini, Malaysia telah dan akan menanganinya melalui mekanisme seperti tempoh liberalisasi yang lebih panjang, dan kawalan domestik yang boleh dikenakan ke atas barangan yang berkaitan.

Dalam rundingan TPPA juga, Kerajaan telah mengambil keputusan yang tegas dalam menangani kebimbangan IKS dalam semua bidang di dalam rundingan yang dijalankan. Kebimbangan-kebimbangan tersebut, contohnya peningkatan persaingan, ditangani melalui tempoh transisi yang lebih panjang dalam proses liberalisasi. Malaysia juga merundingkan supaya pengecualian daripada komitmen perjanjian dalam konteks perolehan Kerajaan diberikan kepada syarikat-syarikat IKS serta penetapan had (threshold) yang lebih tinggi.

Walau bagaimanapun, perlu ditekankan bahawa TPP memberi potensi pasaran yang amat besar bukan sahaja kepada syarikat besar tempatan Malaysia ke luar negara, tetapi juga IKS tempatan Malaysia yang berpeluang untuk mengembangkan perniagaan dan perkhidmatan mereka di luar negara khususnya di pasaran bebas cukai TPP yang membentuk kombinasi populasi yang seramai 800 juta penduduk dan KDNK yang sejumlah USD27.5 trilion. Syarikat-syarikat IKS juga berpeluang untuk menyertai rantai bekalan global melalui pembekalan kepada syarikat-syarikat besar di Malaysia atau pun syarikat-syarikat di negara-negara TPP.

Tuan Yang DiPertua,

Kawasan Perdagangan Bebas Asia-Pasifik ataupun *Free Trade Area for Asia Pacific* (FTAAP) bukan perkara baru. Ia telah dibangkitkan oleh Majlis Penasihat Perniagaan APEC sejak tahun 2004 lagi untuk diwujudkan sebagai mekanisme bagi mencapai integrasi ekonomi serantau. Untuk merealisasikan aspirasi tersebut, Pemimpin-Pemimpin Ekonomi APEC pada tahun 2010 memperakui cadangan *pathway*

dilaksanakan melalui inisiatif-inisiatif perjanjian perdagangan bebas serantau yang sedia ada seperti Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP/ASEAN+6) dan Trans-Pacific Partnership (TPP).

Penglibatan Malaysia dalam rundingan TPP ataupun RCEP adalah konsisten dengan aspirasi FTAAP dan kecenderungan Malaysia untuk menyertai mana-mana perjanjian perdagangan serantau yang akan memberi manfaat kepada Malaysia. Penglibatan Malaysia dalam TPP, RCEP ataupun FTAAP di masa yang akan datang tidak bercanggah antara satu sama lain kerana ia merupakan *complimentary* dan mereka 'saling melengkapi' untuk merealisasikan aspirasi FTAAP kelak.